

MRT 2: Tiada kompromi soal keselamatan



JURULATIH Pusat Latihan Projek MRT Lembah Klang (KVMRT) Ahmad Nazarri Sulaiman (kiri) memberikan penerangan kepada pekerja dalam sesi taklimat bersama media berhubung keselamatan di tapak pembinaan MRT2 di Sungai Buloh, Selangor, semalam.

SUNGAI BULOH 10

Jun - Tiada sebarang kompromi terhadap soal keselamatan melibatkan pekerja dan orang awam dalam men-yiapkan projek Transit Aliran Massa Laluan Kedua (MRT 2). Pengarah Piawaian dan Pematuhan MRT Corp., Syed Mahdhar Syed Hussain berkata, beberapa langkah diperkenalkan dalam berdepan pelbagai kemungkinan berlaku kemalangan di tapak pembinaan. Katanya, inisiatif yang merangkumi aspek keselamatan, kesihatan dan persekitaran itu termasuk pengurusan rekabentuk binaan, spesifikasi dan pematuhan kontrak, program latihan induk yang komprehensif.

“Sebahagian besar program latihan tersebut kini dapat dilakukan di Pusat Latihan Projek MRT Lembah Klang (KVMRT) di sini



**SYED MAHDHAR
SYED HUSSAIN**

yang siap dibina pada September tahun lalu dengan kos lebih RM10 juta,” katanya dalam sesi taklimat bersama media berhubung keselamatan di tapak pembinaan projek MRT 2 bagi jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang akan bermula suku tahun kedua tahun ini.

Menurut Syed Mahdhar, adalah sukar melatih pekerja asing daripada 12 negara berbeza yang tidak mempunyai ilmu asas pembinaan.

“Dari sudut keselamatan di tapak projek perkara tersebut masih menjadi cabaran untuk menerapkan aspek keselamatan yang perlu dititikberatkan oleh mereka.

“Kami berharap dengan pelbagai inisiatif berhubung SHE ini mampu memberi landskap baharu dalam industri pembinaan negara,” katanya.